

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HKN 304 - Kajian Teks Melayu Klasik

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi. - 12.00 t/hari.  
( 3 jam )

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B.  
Asingkan jawapan anda untuk tiap-tiap Bahagian.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan**

1. Kedua-dua jenis karya penglipur lara dan karya bercorak sejarah memaparkan latar dan watak-watak dari istana raja-raja. Sungguhpun begitu ternyata sekali banyak perbezaan dari sudut isi, bentuk karya dan kesannya. Biacarakan mengenai sifat-sifat dan sebab-sebab perbezaan tersebut di samping memberikan rumusan tentang kesan yang terhasil dari perbezaan-perbezaan tadi.
2. Tujuan tertulisnya **Sejarah Melayu** boleh disimpulkan daripada susunan yang terdiri daripada berbagai kisah. Berikan huraiyan yang jelas mengenai jenis-jenis kisah dan susunan yang menyempurnakan maksud **Sejarah Melayu** itu ditulis.
3. Berikan satu analisis terhadap perkembangan cerita di dalam **Hikayat Raja-Raja Pasai**. Sejauh manakah unsur-unsur moral mendapat perhatian utama oleh pengarang di dalam menghasilkan karya ini.
4. Perbandingkan **Sejarah Melayu** dan **Hikayat Raja-Raja Pasai** dari sudut sifat-sifat watak utama dan pembinaan watak-watak berkenaan. Pada pandangan anda apakah faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya perbezaan di dalam kedua-dua hal tersebut di atas?

**BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan**

5. Bincangkan pendekatan struktural yang digunakan oleh Sulastin Sutrisno untuk memahami unsur pokok cerita di dalam **Hikayat Hang Tuah**.
6. Tunjukkan dan bincangkan ciri-ciri epiq yang terdapat di dalam **Hikayat Hang Tuah**.
7. Berdasarkan salah sebuah penulisan atau kritikan tentang **Hikayat Merong Mahawangsa** yang telah dikaji, kemukakan satu ulasan anda yang kritis mengenainya.
8. Disebabkan terdapat banyak kisah yang jauh dari kenyataan di dalam **Hikayat Merong Mahawangsa**, ada pihak ragu-ragu untuk menerima hikayat itu sebagai sebuah karya historiografi. Kemukakan pendapat anda berhubung dengan hal tersebut.

-ooooooo-